

# Khalil sifatkan Harun tidak sanggup hadapi cabaran

22 NOV 1999

KUANTAN 21 Nov. — Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob menyifatkan Datuk Harun Din seorang ulama yang hanya bercakap besar sahaja tetapi tidak sanggup menghadapi cabaran.

Beliau berkata, kerana tidak sanggup menggadai reputasi yang telah dibina selama ini, Ahli Jawatankuasa Pas Pusat itu tidak bertanding pada pilihan raya kali ini.

Bagi penduduk Pantai Timur, kata Khalil, tindakan tokoh Pas itu disifatkan sebagai 'gong'.

"Harun Din ni...orang Pantai Timur kata 'gong' iaitu cakap besar sahaja tetapi tidak sanggup untuk menggadai reputasi," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan hari keluarga Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) di sini hari ini.

Sebelum itu beliau di-

minta mengulas tindakan Harun yang diharapkan menentang Datuk Seri Shahidan Kassim di Dewan Undangan Negeri Tambun Tulang tetapi tidak mengemukakan pencalonan pagi semalam.

Dalam hubungan ini kata Khalil, jika mengikut kenyataan demi kenyataan yang dikeluarkan oleh ulama Pas itu sebelum ini, beliau memang orang yang sepatutnya bertanding.

"Tetapi dia tidak sanggup menghadapi cabaran," tegas beliau.

Kegagalan Harun bertanding dalam pilihan raya 29 November ini disifatkan sebagai satu tamparan hebat kepada Pas yang membuat heboh di sana-sini bahawa tokoh itu akan menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau juga disebut-sebut akan dilantik Menteri Besar Perlis jika Pas berjaya menawan negeri itu.

Mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim pula, Khalil mempersoalkan bagaimana dia hendak menjadi Perdana Menteri jika tidak bertanding pada pilihan raya ini.

"Takkan dia nak jadi senator kemudian dilantik menjadi Perdana Menteri, ini tidak boleh. Saya pun hanya dilantik sebagai menteri selepas menjadi senator," katanya.

Sehubungan itu Khalil berkata, kini sudah ternampak para pemimpin parti pembangkang hanya mementingkan diri sendiri dan takut untuk berdepan dengan kenyataan.

Menurut Khalil, belum pun pilihan raya bermula calon-calon pembangkang telah menarik diri dan tidak langsung tampil untuk mengemukakan pencalonan.

Keadaan itu, katanya, berbeza jika dibandingkan dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) yang se-

muanya begitu yakin berjaya dalam pertandingan di kawasan masing-masing.

Ketika mengulas pergerakan jentera pilihan raya BN terutamanya dalam membantu calon-calon baru, Khalil berkata, ia berjalan lancar walaupun pada permulaannya kelihatan seperti terdapat masalah.

Menurut beliau, pada permulaannya terdapat jentera pilihan raya yang tidak dapat menerima muka baru yang dicalonkan, tetapi kini semuanya telah selesai dan mereka berjuang untuk memastikan kemenangan BN.

"Kesedaran itu telah ada dan bahagian-bahagian telah dapat menerima calon-calon baru serta mula merapatkan barisan untuk bersama-sama berjuang untuk parti," katanya.

14